

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN JULIAN TAN KOK PING [STAMPIN]
TARIKH : 17 MEI 2016
SOALAN :

YB Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan hotel yang akan dibina bersamaan dengan tempat meletak kereta bertingkat bagi Hospital Umum Sarawak. Nyatakan cara-cara caj bayaran yang dianggarkan yang akan dibayar oleh pengguna serta sumbangan hotel tersebut dalam bayaran balik dalam Public Private Partnership BLMT.

Tuan Yang di-Pertua,

Pembinaan mana-mana fasiliti sokongan yang menyokong perkhidmatan kesihatan yang ditawarkan oleh Fasiliti Kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengambil kira faktor-faktor penting seperti keupayaan berbelanja orang awam. Antara perkhidmatan sokongan yang kini ditawarkan oleh KKM adalah penyediaan perkhidmatan pengurusan Tempat Letak Kereta (TLK) secara berpusat, sepertimana yang dilaksanakan di Hospital Kuala Lumpur (HKL) dan Hospital Sultanah Aminah (HSA), Johor Bahru.

Pembinaan kompleks TLK dan medihotel di atas premis Hospital Umum Sarawak (HUS) yang dilaksanakan secara kaedah *Public Private Partnership* (PPP) akan diuruskan sepenuhnya oleh syarikat yang telah dilantik oleh KKM. Bagi tujuan pengoperasian medihotel di HUS, caj penggunaan bilik bagi tempoh semalam sebanyak RM69 hingga RM129 bergantung kepada jenis kategori pelanggan yang akan diterima. Kelonggaran juga akan diberikan kepada keluarga pesakit yang menerima rawatan di hospital berkenaan, di mana syarikat tidak akan menguatkuasakan hak maksima penghuni bilik tersebut. Terdapat juga opsyen penyewaan katil dalam bilik di mana caj yang akan dikenakan adalah serendah RM20 semalam. Bagi caj bayaran TLK pula, caj bayaran yang akan dikenakan adalah sepertimana yang dikenakan pada masa ini di HKL, iaitu bermula RM1 hingga maksimum RM10 sehari seperti berikut:

BIL	KATEGORI PENGGUNA	KADAR TLK
1.	Kakitangan hospital	Percuma
2.	Kakitangan perkhidmatan sokongan hospital	RM 80 sebulan
3.	Orang Awam	RM1.00 sejam (TLK Tidak Berbumbung)
		RM1.50 sejam (TLK Berbumbung)
	Kadar maksimum sehari	RM10.00

Pembinaan dan pengoperasian medihotel dan kompleks TLK HUS oleh pihak Swasta dilihat sebagai salah satu pendekatan baharu yang dapat digunakan oleh KKM bagi memastikan kelancaran perkhidmatan yang ditawarkan oleh KKM.